

01 DEC 1998

Mahathir-tentera laut

SEMAI BUDAYA MENYENGGARA DALAM TENTERA LAUT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar agar Tentera Laut Diraja Malaysia menyemai budaya menyenggara pada setiap masa.

Beliau berkata penduduk Eropah mengamalkan budaya itu, tetapi rakyat Malaysia tidak mempunyai sikap seumpama itu.

"Saya telah mengarahkan Kementerian Pertahanan untuk meyemai budaya seumpama itu.

"Setiap bahan tembaga mesti digilap dan setiap bahagian kapal mesti disenggara 100 peratus," katanya kepada pemberita selepas penghantaran pesawat pertama buatan negara SME MD3-160, ke Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata beliau memberikan arahan itu kepada Syed Hamid semasa mesyuarat Kabinet.

Beliau berkata beberapa rakyat Malaysia yang mempunyai kapal layar menggunakan anak kapal dari Eropah kerana mereka (pemilik kapal layar) tidak tahu menyenggara kapal itu.

Walaupun untuk mengupah orang Eropah adalah mahal, tetapi ia perlu kerana mereka tahu menyenggara kapal layar, katanya.

Dr Mahathir berkata perbezaan antara orang Eropah dan rakyat Malaysia, ialah budaya orang Eropah menumpukan kepada kebersihan, jitu dan disenggara 100 peratus menurut piawaian yang diperlukan.

"Kita tidak ada budaya seumpama itu," katanya sambil menambah kata itulah sebabnya beliau mengarahkan Kementerian Pertahanan agar tentera laut menyemai budaya seumpama itu.

Dr Mahathir berkata dalam pembuatan pesawat, semuanya mesti tepat dan tidak boleh mengambil sikap "ching chai, ching chai, bolehlah" kerana jika pesawat mengalami nahas kerana kerosakan mekanikal "pengkembumian anda juga mungkin ching chai."

--BERNAMA

ARA RI